

15/11/2000

Tiga Yang Dipertua PBT perlu buktikan kecemerlangan

Norazmi Abdul Talib

MAMPUKAH tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) di Melaka memberi perkhidmatan lebih baik selepas Yang Dipertua (YDP) bertugas sepenuh masa mulai Januari tahun depan?

Ramai bertanya bagaimana anjakan paradigma yang bakal dilakukan oleh Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB), Majlis Daerah Alor Gajah (MDAG) serta Majlis Daerah Jasin selepas mendapat YDP baru nanti.

Inilah yang difikirkan oleh kebanyakan penduduk, terutama di kawasan pentadbiran ketiga-tiga PBT itu, yang mengharapkan sesuatu perubahan dari segi pembangunan serta perkhidmatan kerana kehadiran YDP baru sudah tentu membawa lebih banyak kebaikan dan bukannya keburukan.

Persoalan itu timbul kerana dalam tempoh seminggu lalu, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, membuat dua pengumuman penting berkaitan kedudukan YDP.

Pengumuman pertama pada 5 November, Mohd Ali menyatakan beliau akan melepaskan jawatan YDP di MPMBB manakala Pegawai Daerah Jasin, Hasnawi Shahid serta Pegawai Daerah Alor Gajah, Yahaya Rashid Tajol Aros, masing-masing akan melepaskan jawatan YDP bagi MDJ serta MDAG mulai tahun depan.

Pengumuman kedua pula pada 11 November lalu, apabila Mohd Ali menamakan Pengurus Perniagaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Melaka Tengah, Idris Harun sebagai YDP MDAG manakala akauntan, Mustaza Abu Bakar pula sebagai YDP MDJ. Bagaimanapun, YDP baru bagi MPMBB akan diumumkan Mohd Ali sekembali dari London pada 17 November ini.

Keputusan Mohd Ali melepaskan jawatan YDP MPMBB selaras dengan permohonannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyandang jawatan itu selama tempoh setahun.

Ini berikutan, Mohd Ali selepas menjadi Ketua Menteri mengambil alih jawatan YDP MPMBB dengan Haris Hasan sebagai penyandang jawatan itu ditukarkan sebagai Pengurus Besar Yayasan Melaka. Padahal, Haris baru mengambil alih jawatan YDP MPMBB daripada Datuk Seri Abu Zahar Isnin yang ketika itu menjadi Ketua Menteri. Bukan mudah Haris menyandang sepenuhnya jawatan YDP kerana terpaksa menunggu kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berikutan kedudukan taraf perjawatan kerana Haris ketika itu adalah Timbalan Yang Dipertua MPMBB.

Lantas pelantikan Haris sebagai Yang Dipertua MPMBB ketika itu adalah memenuhi kehendak Kerajaan Persekutuan pada 1999, yang memutuskan jawatan YDP disandang oleh pegawai sepenuh masa supaya semua projek dan program yang dirancang dapat dikawal selia serta dilaksanakan dengan lebih teratur.

Bagaimanapun, Mohd Ali seolah-olah mempunyai muslihat tertentu apabila bertindak mengambil alih jawatan YDP MPMBB tetapi akhirnya mengumumkan hasrat melepaskan jawatan itu, mulai tahun depan.

Walaupun tiada alasan khusus dalam melepaskan jawatan YDP MPMBB, Mohd Ali memberi alasan pengasingan jawatan Pegawai Daerah dengan YDP adalah disebabkan Pegawai Daerah mempunyai tugas yang banyak, terutama membantu kerajaan negeri melaksanakan program membasmi kemiskinan, membangunkan pekan kecil, kawasan rekreasi serta pusat pelancongan.

Bagi PBT pula diberi tugas menumpukan kepada perkhidmatan kepada penduduk, termasuk di segi kebersihan, keindahan, keceriaan serta penjagaan alam sekitar. Ketiga-tiga PBT itu mempunyai tanggungjawab untuk mengindahkan bandar serta menjaga kebersihan di samping menyediakan perkhidmatan yang selesa supaya dapat bersama-sama menjadikan Melaka

sebagai destinasi pelancongan utama.

Inilah tanggungjawab serta amanah utama yang perlu ditunaikan oleh Idris serta Mustaza yang akan menjadi YDP MDAG serta MDJ dan seorang lagi yang bakal dilantik sebagai YDP MPMBB.

Bagi Idris, yang menjadi Pengerusi Tetap Pemuda Umno bahagian Batu Berendam dan Mustaza, yang juga Bendahari Umno bahagian Selandar, terpaksa melupakan sementara kedudukan merebut jawatan penting dalam politik bagi membolehkan diri menumpukan sepenuh masa kepada tugas.

Apatah lagi Mustaza yang aktif berniaga, termasuk mempunyai syarikat kesetiausahaan, perlu memikirkan sama ada kepentingan perniagaan sendiri atau khidmat kepada masyarakat dalam kawasan MDJ.

Idris seorang jurutera berpengalaman dalam perniagaan TNB dengan pelanggan manakala Mustaza aktif berniaga, mungkin boleh menerapkan nilai korporat dalam MDAG serta MDJ supaya kedua-dua PBT bertambah maju dari segi pembangunan, terutama hasil pendapatan. Kedua-duanya mungkin perlu membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka adalah lebih baik daripada Pegawai Daerah yang selama ini dilantik sebagai penyandang jawatan YDP.

Begitu juga dengan bakal YDP baru MPMBB perlu membuktikan perkhidmatan yang diberikannya adalah lebih baik atau pun tidak setaraf sebagaimana Mohd Ali sebagai YDP MPMBB. Jika Mohd Ali sanggup mengutip sampah dalam menjaga kebersihan kawasan majlis, bakal YDP baru MPMBB sudah tentu akan berbuat lebih daripada itu.

Ini berikutan, menjadi YDP bukanlah jawatan yang sekadar duduk di kerusi empuk tetapi perlu bertindak berkesan dengan membuktikan apa yang diwarwarkan dan tidak hanya merancang tanpa sebarang tindakan.

(END)